



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Peringatan Kepada Pelabur

Pemegang saham minoriti dan para pelabur secara umumnya perlu berhati-hati terhadap penipuan pelaburan.

Baru-baru ini, kami telah menemukan sebuah organisasi, Octa Corporation Sdn Bhd (Octa Corporation) yang memalsukan sijil lesen Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan nombor lesen yang dinyatakan dalam sijil palsu milik Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti, yang dilesenkan oleh SC di bawah Seksyen 58 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Octa Corporation telah disenaraikan sebagai entiti klon berpotensi dalam Senarai Peringatan Pelabur SC. Sila rujuk laman sesawang SC di <https://www.sc.com.my/resources/media/investor-alert-updates/investor-alert-list-as-at-7112022> untuk maklumat lanjut.

Pelabur perlu mempertingkatkan ketekunan wajar apabila berhadapan 'skim cepat kaya'. Kita perlu sentiasa berwaspada, jika sesuatu perkara itu sukar dipercayai, ia mungkin indah khabar dari rupa.

20.01.2023

❖ Pengendalian mesyuarat agung yang lebih baik

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) baru-baru ini menerima sepucuk surat daripada seorang pemegang saham yang mengadu tentang kaedah dan tatacara Mesyuarat Agung Luar Biasa (extraordinary general meeting, EGM) sebuah syarikat awam tersenarai (public limited company, PLC). Syarikat ini bukanlah PLC yang berada di bawah liputan MSWG, oleh itu kami tidak dapat mengesahkan kesahihan aduan pemegang saham tersebut. Namun begitu, kami menulis surat kepada PLC berkenaan untuk mendapatkan maklum balas mereka mengenai dakwaan oleh pemegang saham itu. PLC berkenaan membalas surat kami dengan kadar segera dan jawapan mereka diringkaskan di bawah tajuk 'Maklum balas daripada PLC berkenaan'.

Aduan pemegang saham ini memang berbaloi untuk dipertimbangkan terlebih dahulu, lantaran kita boleh mencadangkan peluang untuk penambahbaikan berdasarkan kenyataan pemegang saham tersebut.

Pengaduan

PLC berkenaan mengadakan EGM secara maya sepenuhnya melalui platform mesyuarat dalam talian yang disediakan oleh Penyedia Platform Pengundian dan Penyertaan Jarak Jauh (Remote Participation and Voting, RPV).

Penyedia Platform RPV tidak diciptakan setara. Ini bermakna mereka menyediakan perkhidmatan yang berbeza dengan kecekapan dan kapasiti yang berbeza.

Penyedia Platform juga tidak perlu didaftarkan dan mereka juga tidak dikawal selia. Mungkin sudah tiba masanya untuk mensyaratkan supaya Penyedia Platform ini didaftarkan atau mendapatkan akreditasi yang sepatutnya.

Pada masa ini, Lembaga Pengarah bertanggung jawab untuk memastikan bahawa Pembekal Platform yang dipilih menawarkan kecekapan, keupayaan dan kapasiti untuk memenuhi keperluan mereka. Sesetengah mesyuarat agung PLC diadakan mengikut tatacara yang biasa dan mereka mungkin tidak memerlukan perkhidmatan premium yang ditawarkan oleh sesetengah penyedia platform. Mesyuarat agung yang lain mungkin lebih rumit, misalnya mesyuarat agung hibrid, yang mana mereka memerlukan penyedia platform yang mampu menawarkan spektrum perkhidmatan yang lebih luas.

Untuk EGM berkenaan, kami dimaklumkan bahawa hanya ada satu resolusi yang dibentangkan. Pemegang saham itu menyatakan bahawa terdapat lima soalan diajukan oleh pemegang saham yang berbeza tetapi tiada satupun soalan yang dijawab. Sebaliknya, jawapan yang diberikan kepada pemegang saham adalah, "Kami akan menghantar jawapan kepada anda melalui e-mel".

Mesyuarat Agung sepatutnya menjadi ruang dan menyediakan peluang kepada para pemegang saham untuk mengemukakan soalan dan mendapatkan jawapan supaya semua yang menghadiri mesyuarat itu dimaklumkan akan soalan dan jawapannya.

PLC yang lebih efisien akan menghadapi Mesyuarat Agung mereka bersama-sama maklumat yang diperlukan, dibantu oleh pasukan pengurusan serta pihak perunding jika berkaitan, supaya semua soalan dapat dijawab sewaktu Mesyuarat Agung sedang diadakan. Malah, sesetengah PLC mengambil inisiatif membuat persiapan sebelum Mesyuarat Agung dengan menyediakan satu set soalan yang berpotensi diajukan berserta jawapannya. Bak kata pepatah, dayung sudah di tangan, perahu sudah di air.

Jika faktor-faktor lain tidak berubah, keupayaan untuk menjawab soalan dalam Mesyuarat Agung ini adalah cerminan positif kepada Lembaga Pengarah. Kadangkala, mungkin terdapat satu atau dua soalan yang tidak dapat diberikan jawapan secara serta merta, yang mana dalam keadaan sedemikian, kita boleh menerima jika jawapan itu disiarkan kemudian di laman sesawang korporat untuk makluman semua pemegang saham. Menjawab soalan pemegang saham secara peribadi bukanlah penglibatan yang berkesan dengan pihak berkepentingan kerana semua yang hadir pasti ingin mengetahui jawapannya.

Pemegang saham itu juga mengadu bahawa masa mengundi dihadkan kepada lima minit sahaja dan masa yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi jika lebih daripada seorang ahli keluarga mengundi menggunakan peranti yang sama. Pemegang saham PLC ini mungkin terdiri daripada beberapa orang ahli dalam keluarga yang sama. Tempoh lima minit yang diperuntukkan dianggap tidak mencukupi untuk seorang pemegang saham mendaftar keluar dan pemegang saham lain mendaftar masuk dengan akaun yang berbeza untuk mengundi.

Kami dimaklumkan bahawa sepuluh minit adalah masa yang lebih sesuai untuk pengundian sedemikian memandangkan segelintir pemegang saham mungkin tidak cekik IT, terutama generasi yang lebih berusia.

Akhir sekali, pemegang saham itu menyatakan bahawa akses kepada pautan pengundian hanya dibuka 'pada saat-saat akhir' oleh penyedia platform, sedangkan sesetengah PLC membenarkan pemegang saham mengundi sebaik sahaja mesyuarat bermula.

Kami tidak pasti sama ada masa pembukaan pautan pengundian adalah berdasarkan keputusan lembaga pengarah atau disebabkankekangan dalam sistem Penyedia Platform.

Sesetengah pemegang saham mungkin telah membuat keputusan tentang pengundian dan mereka memilih untuk tidak mengambil bahagian dalam perbincangan semasa Mesyuarat Agung dijalankan. Mereka perlu dibenarkan mengundi secepat mungkin dan tidak ditahan sebagai penonton sehinggalah pengundian yang dijadualkan dibuka pada masa yang ditetapkan mengikut agenda.

Maklum balas daripada PLC berkenaan

Dalam tempoh seminggu selepas MSWG menghantar surat, PLC tersebut menjawab secara bertulis.

Dalam maklum balas itu, PLC dengan rasa kesal memohon maaf atas kelewatan menjawab soalan daripada pemegang saham pada EGM mereka baru-baru ini kerana kesilapan teknikal yang dihadapi sewaktu EGM. Mereka menyatakan bahawa soalan yang diajukan tidak muncul pada skrin mereka, sebaliknya hanya tertera pada skrin dan sistem Penyedia Platform.

PLC tersebut menegaskan bahawa mereka pernah mengadakan AGM secara maya sebelum ini dan ia berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Kesilapan yang berlaku adalah benar-benar tidak dijangka dan di luar kawalan mereka, terutamanya semasa sesi 'live'. Namun begitu, PLC itu memberikan jaminan bahawa mereka telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan insiden sedemikian tidak berulang pada Mesyuarat Agung akan datang.

PLC itu juga mempertimbangkan kebimbangan pemegang saham berkenaan masa yang diperuntukkan untuk mengundi serta masa pembukaan pautan pengundian. Mereka memberikan jaminan bahawa mereka akan berusaha untuk menyusun semula proses yang berkaitan sekiranya mereka membuat keputusan untuk mengadakan mesyuarat agung secara maya dalam masa terdekat.

Mereka mengakhiri surat dengan memohon maaf atas kekurangan dan mengucapkan terima kasih kepada MSWG atas makluman yang diberikan.

**Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif**

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.